

Terjemahan Artikel “Using Big Data On Tax Audit” – 2 September 2017 (Nanyang Siang Pau)

LHDN kini menggunakan sistem "big data" analisis untuk meningkatkan kecekapan pematuhan pencucuaian di Malaysia.

Dengan bantuan teknologi "big data" maklumat ini, meningkatkan kecekapan dan membantu LHDN lebih mudah mengesan dan "tracking" sesebuah syarikat dan si pembayar cukai sama ada disyaki tidak mematuhi kehendak percucuaian Negara.

Contohnya, LHDN dengan perbandingan purata margin keuntungan industri dan sesebuah syarikat berkenaan, dapat analisis samada syarikat mengemukakan penyata percucuaian yang betul.

Perbezaan margin satu dan dua tahun adalah perkara biasa, tetapi sekiranya lima dan enam tahun berturut-turut mengamali kerugian dan sentiasa di bawah purata margin industri, maka ini menunjukkan penyata percucuaian memang disyaki, kerana adalah tidak munasabah syarikat berkenaan masih beroperasi bertahun-tahun sekiranya mengalami kerugian. LHDN juga ambil maklum kejadian "transfer pricing", terutama di syarikat multi-nasional agar membayar cukai yang lebih rendah.

Kini dengan bantuan teknologi dan kecekapan dalam pungutan percucuaian negara, cara "creative reporting" agar mengelakkan percucuaian yang lebih tidak lagi senang tercapai. LHDN memang ada caranya untuk mengenalpasti kejadian "creative reporting" ini, tidak dapat melepasi radar sistem perisikan dan penguatkuasaan.

LHDN telah mengambil tindakan susulan dan mengesan kemungkinan "transfer pricing" ini dengan mengadakan "tax audit" terhadap syarikat kumpulan dan anak syarikat berkenaan, mengenalpasti fenomena ini.

LHDN menasihati para pembayar cukai samada individu atau syarikat agar sentiasa mematuhi kehendak percucuaian, kerana "soon or later", setiap lima tahun pastinya LHDN akan audit terhadap mereka.

Jangan ambil kesempatan dan ingat boleh mengelakkan cukai "selama-lamanya", kerana pada satu hari nanti tetap dapat dikesan oleh LHDN nanti.

Dengan sumber dan maklumat daripada berbagai saluran, dengan analisis penalihan wang tunai, seperti transaksi pembelian kereta baru dan perumahan yang melibatkan pembayaran wang tunai yang tinggi, akan mendorong LHDN mengenalpasti seseorang pembayar cukai atau syarikat jujur mengemukakan penyata percucuaian mereka.

Menurut pengalaman LHDN, kebanyakan ahli politik negara kita adalah mematuhi kehendak

percukaian kerana mereka mengetahui risiko adalah tinggi mungkin menjejaskan karir mereka dalam arena politik.

LHDN menegaskan operasi lawatan mesra dan "tax audit" tidak menuju kepada golongan atau peniaga kecil dan penjaja tertentu, operasi lawatan mesra percukaian adalah amalan biasa LHDN, selain daripada usaha meningkatkan kecekapan pematuhan percukaian, ia juga memberi pendidikan dan bantuan kepada orang ramai agar mematuhi tanggungjawab sistem percukaian Negara.